

memandangkan ia boleh menembusi plasenta. Untuk mengurangkan kemungkinan sebarang kesan yang mungkin berlaku terhadap bayi, doktor anda akan memberikan anda dos yang serendah mungkin. Rawatan anda mungkin dihentikan antara 3 hingga 4 minggu sebelum tarikh anda melahirkan anak. Anda mungkin akan dinasihatkan supaya jangan menyusu anak semasa anda sedang mengambil ubat ini. Beritahu doktor anda juga jika anda mempunyai masalah hati sebelum mengambil ubat ini.

PENTING

Jika anda mengalami sebarang tanda kelebaman dan/ atau tanda-tanda serta simptom-simptom yang mengingatkan anda terhadap jangkitan terutamanya sakit kerongkong atau ulser mulut atau demam yang muncul semasa rawatan, henti memakan tablet ini dan laporkan kepada doktor anda **dengan segera**. Beberapa ujian darah perlu dilakukan untuk memastikan sumsum tulang terhalang sebelum anda memulakan rawatan.


Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan tablet dalam bekas asal di tempat yang dingin dan kering. Lindung daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Ubat Anti-Tiroid Anti-Thyroid Medicine

M24R0

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah memberi anda tablet anti-tiroid. Carbimazole dan Propylthiouracil adalah ubat anti-tiroid yang biasa digunakan. Ubat anti-tiroid digunakan untuk mengurangkan pembentukan hormon tiroid di kalangan orang yang mempunyai kelenjar tiroid yang terlampau aktif (satu keadaan yang dikenali hipertiroidism)

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Tablet carbimazole dan propylthiouracil adalah diambil secara oral. Dos yang anda perlu akan ditentukan oleh doktor anda berdasarkan keperluan perseorangan dan dos mungkin ditukar dalam selang masa tertentu semasa rawatan anda.

Dos permulaan biasa bagi carbimazole adalah di antara 20mg hingga 60mg setiap hari, diberi sebagai dos tunggal atau dos yang dibahagikan. Sebaik sahaja kawalan kelenjar tiroid tercapai, dos anda mungkin dikurangkan kepada 5mg hingga 15mg setiap hari.

Dos permulaan bagi propylthiouracil biasanya di antara 300mg hingga 600mg setiap hari, diberi dalam dos tunggal atau dos yang dibahagikan. Sebaik sahaja kawalan kelenjar tiroid tercapai, dos anda mungkin dikurangkan kepada 50mg hingga 150mg setiap hari.

Sedikit kemajuan dalam keadaan biasanya akan dirasai dalam masa satu hingga tiga minggu. Kesan baik sepenuhnya akan dirasai dalam masa empat sampai lapan minggu. Demi mengekalkan kawalan kelenjar tiroid, anda mungkin perlu terus ambil tablet anda untuk beberapa bulan. Doktor anda akan menentukan masa bila rawatan boleh dihentikan. Doktor anda mungkin meminta anda mengadakan

pemeriksaan darah sekali-sekala untuk membantunya menentukan bagaimana reaksi anda terhadap rawatan.

Radio-iodin dan pembedahan adalah rawatan lain untuk hyperthyroidism. Jika anda perlu rawatan radio-iodin, doktor anda akan menyuruh anda berhenti mengambil tablet anda buat sementara waktu.

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu mengambil ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Anda mungkin mengalami kesan sampingan yang biasanya berlaku dalam lapan minggu pertama rawatan anda. Kesan sampingan yang paling biasa ialah mual, sakit kepala, ruam kulit, gatal, sakit perut dan sakit sendi. Dalam kes yang jarang, penipisan rambut, penyakit otot dan hati boleh berlaku. Jika anda mengalami sakit otot atau warna kulit dan bahagian putih mata menjadi kuning, atau bimbang terhadap simptom-simptom tersebut atau kesan-kesan sampingan lain, sila bincang dengan doktor anda.

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor anda tahu jika anda sedang hamil. Walaupun ubat ini boleh digunakan semasa hamil, ia patut digunakan secara berhati-hati